

14 JAN 1997

Khalil-MEC

BANTUAN KERAJAAN PAHANG BAGI JAYAKAN KOMPLEKS MEC

KUANTAN, 14 Jan (Bernama) -- Kerajaan negeri Pahang akan menyalurkan segala bantuan yang diperlukan bagi memastikan pembinaan kompleks Malaysia Electric Corporation (MEC) di kawasan Perindustrian Gambang di sini berjalan lancar, kata Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob.

Beliau berkata jaminan itu dibuat bagi melihat MEC, iaitu pusat pengeluaran peralatan elektrik untuk keperluan rumah, muncul sebagai satu projek kebanggaan negara.

Ketika bercakap dengan pemberita selepas meninjau kemajuan pembinaan di tapak projek di sini hari ini, Khalil berkata beliau gembira dengan kemajuan projek yang dilaksanakan begitu cepat iaitu kira-kira tiga bulan lebih awal daripada jadual.

"Kami berjanji akan mengatasi masalah seperti kelulusan dan sebagainya bagi membolehkan kilang ini beroperasi secepat mungkin," katanya.

Kompleks MEC, yang berharga RM4 bilion, terletak di kawasan seluas 1,400 hektar berhampiran Lebuhraya Pantai Timur. Ia merupakan pusat sehenti pembeli-pembeli luar negara bagi peralatan elektrik rumah buatan Malaysia.

Khalil berkata kebimbangan awal mengenai bekalan tenaga bagi keperluan kilang itu kini dapat diatasi dengan pemasangan talian berdasarkan grid nasional oleh Tenaga Nasional Berhad dan bekalan daripada Pengeluar Tenaga Persendirian (IPP) di Kertih, Terengganu.

Bekalan air kira-kira 45.4 juta liter dijangka mencukupi dan bekalan air tetap juga akan disalurkan ke kompleks kilang itu dari Sungai Lepar yang tidak jauh dari situ, katanya.

Beliau berkata kerajaan negeri sudah mengenalpasti beberapa kawasan untuk menempatkan industri kecil dan sederhana yang akan menyokong pertumbuhan MEC kelak.

Mengenai lawatannya itu, beliau berkata satu laporan kemajuan projek akan disiapkan segera untuk diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi.

Katanya, Perdana Menteri sendiri akan menetapkan tarikh yang sesuai bagi melawat ke projek itu selepas meneliti laporan berkenaan. -- BERNAMA

ROS AKD